

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 13/10/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional (28)

Tajuk : 21 Koperasi Sekolah Capai Perolehan RM1 Juta

## 21 koperasi sekolah capai perolehan RM1 juta

SEBANYAK 21 koperasi daripada 2,481 koperasi sekolah berjaya mencatatkan perolehan lebih RM1 juta tahun kewangan yang berakhir 31 Disember tahun lepas.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad. (Angkasa), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, tahun ini lima atau enam lagi koperasi sekolah dijangka mencapai perolehan RM1 juta.

Koperasi Sekolah terbabit setakat ini mencapai perolehan RM800,000-RM900,000 dan dijangka tiada masalah mencapai sasaran perolehan RM1 juta

sehingga 31 Disember tahun ini.

Statistik terkini anggota koperasi sekolah seramai lebih dua juta individu, jumlah syer (RM29.92 juta), aset (RM439.02 juta) dan perolehan RM298.76 juta mampu melonjak perolehan koperasi sekolah.

■ **ABDUL Fattah Abdullah** (berbaju Melayu, lapan dari kanan) bersama guru dan pelajar selepas merasmikan Hari Koperasi dan Keusahawanan Sekolah dan Keusahawanan Sekolah Menengah Kebangsaan (LKTP) Kampung Sertik, Bentong, baru-baru ini.  
- UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

